

PENGURUSAN EKONOMI
RASULULLAH SAW
DI MADINAH

KAMAL FAEZI MAHZIR
ERMY AZZIATY ROZALI

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
Pewaris Gemilang Sdn. Bhd.
No. 27G, Jalan Putra 8,
Taman Kajang Putra, 43000 Kajang, Selangor.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-178-7

Kandungan

Prakata ... 7

BAB 1 Pentadbiran Zaman Rasulullah SAW ... 9

BAB 2 Ekonomi dan Pengagihan Kekayaan dalam Islam ... 20

BAB 3 Pengurusan Ekonomi Rasulullah SAW di Madinah ... 49

BAB 4 Pelaksanaan Pengurusan Ekonomi Rasulullah SAW di
Madinah ... 85

BAB 5 Prinsip Pengurusan Ekonomi Rasulullah SAW ... 112

Rujukan ... 119

Indeks ... 131

Prakata

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya buku ini dapat dihasilkan. Penerbitan buku ini diharapkan dapat memberi maklumat yang bernilai berkaitan pengurusan ekonomi Rasulullah SAW di Madinah. Ekonomi merupakan bidang penting yang untuk memacu pembangunan masyarakat untuk mencapai kehidupan yang baik seterusnya membangun negara madani. Ekonomi yang berlandaskan syariat Islam adalah tuntutan daripada Allah SWT agar keadilan terhadap hak setiap individu dapat dicapai. Perbincangan bidang ekonomi sering menyentuh beberapa perkara penting seperti hak pemilikan harta dan pengagihan kekayaan. Setiap individu mempunyai hak masing-masing terhadap pemilikan harta untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik.

Prinsip pengurusan ekonomi Rasulullah SAW adalah lahir dari keluhuran jiwa dalam diri baginda yang didorong oleh latar belakang kehidupan baginda setelah dididik dengan amalan mulia, berdikari malahan jauh dari kesenangan yang merosakkan nilai kemanusiaan, mementingkan kebajikan golongan miskin dan tidak berkemampuan. Penulisan ini juga menyentuh perihal agihan kekayaan yang merupakan salah satu daripada pengurusan ekonomi yang penting dalam bidang tadbir urus negara. Penulisan terhadap agihan kekayaan ini penting sebagai sebahagian perbincangan yang menyentuh tentang kehidupan sosial, iaitu untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Agihan kekayaan merupakan isu yang diteliti oleh pemerintah sejak dahulu, iaitu matlamat utama untuk meningkatkan taraf hidup rakyat lalu mampu mengurangkan kadar kemiskinan. Perbincangan mengenai agihan kekayaan adalah bertitik tolak daripada agihan yang menyebabkan jurang kekayaan isi rumah atau taraf kumpulan masyarakat yang semakin melebar.

Era pemerintahan Rasulullah SAW di Madinah merupakan zaman permulaan kerajaan Islam yang menjadi tanda aras dan rujukan penting kepada pemerintah hari ini. Penelitian aspek pengurusan ekonomi oleh baginda di Madinah pula dikaji bagi meneliti agihan kekayaan berteraskan syariat Islam yang adil dan saksama. Tulisan ini juga meneliti agihan kekayaan dalam Islam yang adil dan saksama untuk kepentingan masyarakat, meneliti agihan kekayaan yang berjaya pada zaman Rasulullah

SAW serta menganalisis prinsip dan model tadbir urus baginda dalam aspek pengurusan ekonomi untuk diaplikasikan pada masa kini. Keperluan terhadap penelitian secara menyeluruh dan terperinci dikehendaki daripada data yang diperoleh, dikumpulkan dan akan dianalisis sehingga mencapai objektif yang ditetapkan. Islam sangat mementingkan keadilan dan kebajikan dalam segala aspek kehidupan terutamanya menyentuh mengenai agihan kekayaan.

Pentadbiran Rasulullah SAW di Madinah juga telah menerapkan kebajikan dalam pengurusan sumber, keadilan pengagihan kekayaan serta penolakan perkara mungkar. Ia wajar dijadikan contoh teladan kepada pemerintah pada hari ini dengan menghayati setiap tindakan baginda memperbaiki sistem ekonomi dan sosial pada zaman pemerintahan baginda. Prinsip, sahsiah dan keperibadian yang ditonjolkan oleh baginda sama ada sebagai pemimpin dan pembuat dasar mengenai pengurusan ekonomi menjadi fokus dalam penulisan ini. Kesemua aspek ini mempamerkan *qudwah hasanah* baginda yang merupakan amalan terbaik serta harus diutarakan seterusnya diaplikasikan supaya dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang baik. Di samping itu, perbincangan menyentuh dasar-dasar pengurusan ekonomi yang dijalankan dan kemampuan sesebuah pemerintahan menguruskan agihan kekayaan. Oleh itu, pengurusan ekonomi oleh Rasulullah SAW di Madinah boleh dijadikan asas dan panduan kepada sistem ekonomi Islam yang diamalkan pada masa kini.

Buku ini merupakan hasil kajian daripada kajian pada peringkat sarjana yang diterbitkan menerusi Dana Penerbitan Buku daripada Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia dengan geran penyelidikan DPB-2023-098. Untuk itu, ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penulisan dan penerbitan buku ini. Terima kasih kepada pihak Penerbit UKM kerana sudi menerbitkan buku ini. Penghargaan yang tinggi dan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga, rakan-rakan serta pensyarah di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM yang memberi kerjasama, sokongan dan semangat yang jitu dalam penerbitan buku-buku akademik. Juga terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha kecil ini.

Kamal Faezi Mahzir
Ermy Azziaty Rozali